

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MAC 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5

## 8.79 juta rakyat sudah daftar PADU, bakal tepati sasaran

Pendaftaran PADU

# Rafizi temui kerajaan Sarawak minggu depan

Dapatkan penjelasan berkait kebimbangan kerahsiaan data peribadi individu

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

**Kota Samarahan:** Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan barisan pegawainya mengesahkan akan berkunjung ke Kuching minggu depan untuk membincangkan isu penangguhan pendaftaran Pangkalan Data Utama (PADU) di Sarawak.

Perkembangan itu dimaklum-

kan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg yang menambah, kerajaan negeri mengalu-alukan kesediaan Rafizi untuk mengetahui lebih terperinci kenapa pendaftaran PADU diarahkan ditangguh di Sarawak.

"Beliau sendiri ada nyatakan hendak tahu lebih lanjut kenapa kita minta tangguhkan dan kita ada menjelaskan bahawa ia adalah berkaitan privasi.

"Kita mahu (penjelasan) butiran lain dari sudut kerahsiaan maklumat peribadi kerana kalau terlalu banyak didedahkan yang tiada hubung kait dengan kedudukan kewangan, maka tidak munasabah untuk mendedahkan butiran dengan begitu terperinci," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas



Wan Junaidi dan Abang Johari bersalaman dengan jemaah yang hadir pada Sambutan Nuzul Quran Peringkat Sarawak di Masjid Al-Muttaqqin, Kota Samarahan, malam kelmarin. (Foto Mohd Roji Kawi/BH)

Majlis Sambutan Nuzul Quran Peringkat Sarawak yang dihadiri Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Masjid Al-Muttaqqin, di sini malam kelmarin.

Yang turut hadir, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan negeri, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah serta Menteri Utiliti dan Telekomunikasi negeri, Datuk Seri Julaihi Narawi.

### Had dedah data peribadi

Mengulas lanjut, Abang Johari berkata, kerajaan Sarawak merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 sebelum membuat keputusan mengarahkan pendaftaran PADU ditangguhkan.

"Di bawah akta ini juga ada

menyatakan, mesti ada had untuk kita mendedahkan maklumat peribadi dan ia selari dengan peruntukan dalam Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan berhubung hak kebebasan.

"Mengikut peruntukan itu, anda berhak untuk tidak mendedahkan maklumat peribadi tetapi jika ia ada kaitan dengan pendapatan dan juga keadaan ekonomi, sudah tentu data itu relevan," katanya.

Abang Johari mengakui, Kementerian Ekonomi pernah berbincang dengan kerajaan Sarawak mengenai maklumat yang diperlukan PADU sebelum ini.

"Rakyat kita sudah isi borang melalui pejabat residen, pejabat daerah serta ketua masyarakat dan kita bantu salurkan maklumat dikehendaki Kementerian

Ekonomi. Tapi apabila borang (PADU) keluar, nampaknya terlalu banyak sangat pula maklumat peribadi dikehendaki.

"Ini termasuk ada juga yang membabitkan keluarga yang tidak sepatutnya didedahkan," katanya namun menegaskan kerajaan Sarawak tetap menyokong objektif inisiatif kerajaan Persekutuan itu dalam pengagihan bantuan serta subsidi bersasar.

Ahad lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kerajaan Persekutuan menghormati keputusan Sarawak yang mahu menangguhkan pendaftaran sistem PADU disebabkan beberapa isu, namun penjelasan mengapa keputusan itu dibuat menjelang tarikh akhir pendaftaran 31 Mac ini.